

Musa Menteri Pendidikan baru cipta sejarah

Oleh ROHANA MAN

UM 11.12.99

KUALA LUMPUR 10 Dis. — Bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Musa Mohamad, 53, mencipta sejarah apabila dilantik menjadi Menteri Pendidikan pertama di kalangan bukan ahli politik.

Beliau dilantik menjadi Menteri Pendidikan menggantikan tempat Datuk Seri Najib Tun Razak yang bertukar ke kementerian lamanya, Kementerian Pertahanan.

Pengumuman pelantikan Musa dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Musa ketika dihubungi di Pulau Pinang berkata, beliau mendapat tahu mengenai pelantikannya menerusi televisyen.

"Saya dapat tahu menerusi televisyen. Ia satu perkara yang mengejutkan dan tidak saya sangka," katanya.

Beliau bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepadanya untuk memegang portfolio penting itu.

"Ini juga satu penghargaan besar kepada saya dan seluruh ahli akademik," katanya.

Musa juga berkata, beliau akan menggunakan sepenuhnya pengalaman dalam bidang pendidikan selama lebih 20 tahun untuk menerajui kementerian itu.

■ Lihat muka 8

Musa Menteri Pendidikan baru cipta sejarah

UM 11.12.99

Kata beliau, pengalaman menjadi naib canselor selama 13 tahun sangat berfaedah dan akan memudahkannya menjalankan tugas-tugas seorang Menteri Pendidikan.

Beliau memulakan kerjaya dalam bidang pendidikan di USM pada bulan Mac 1975 sebagai Pengarah Pusat Pengajian Sains Farmasi.

Jawatan lain yang disandang ketika berkhidmat di universiti itu ialah Dekan Pusat Pengajian Sains Farmasi, Timbalan Naib Canselor (Akademik) dan Naib Canselor.

"Saya dilantik menjadi Naib Canselor pada bulan Oktober 1982 sehingga bulan Oktober tahun lalu.

"Pengalaman sepanjang 13 tahun menjadi Naib Canselor akan saya gunakan sepenuhnya dalam menerajui kementerian ini," katanya.

Menyentuh mengenai dasar yang dijalankan oleh Najib, beliau berkata, masih terlalu awal baginya untuk membincangkan soal-soal perubahan.

"Soal dasar amat penting dan perlu diteliti dengan mendalam. Masih terlalu awal dan belum tiba masa yang sesuai untuk saya ulas mengenai-

"Belum juga masa yang sesuai untuk saya ulas sama ada akan meneruskan dasar sedia ada atau sebaliknya," katanya.

Mengenai surat pelantikan sebagai senator, Musa berkata, beliau be-

lum menerima surat itu tetapi akan menunggu maklumat terkini berhubung perkara itu daripada Jabatan Perdana Menteri.

Menurut kenyataan USM, Musa adalah tokoh akademik yang terkemuka dan pentadbir berkaliber yang telah banyak menyumbang ke arah peningkatan pendidikan tinggi di negara ini.

Selepas meninggalkan USM, beliau aktif melibatkan diri dalam sektor pendidikan swasta.

Hasil usaha beliau yang paling dikenali di kalangan ahli akademik ialah usahanya meningkatkan jumlah pelajar bumiputera dalam bidang sains dengan memperkukuhkan rancangan matrikulasi.

Hasil usaha gigih beliau juga, dua buah kampus cawangan USM berjaya ditubuhkan di Kubang Kerian, Kelantan dan Seri Iskandar, Perak.

Beliau dianugerahi Darjah Kebesaran Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang pada 1983 dan Darjah Kebesaran Datuk Paduka Cura Simanja Kini oleh Sultan Perak pada tahun 1985.

Khidmat cemerlang beliau dalam mengangkat martabat universiti dan pendidikan tinggi negara juga mendapat pengiktirafan apabila beliau dianugerahi Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota oleh Yang di-Pertuan Agong pada 1994.